

06 NOV 2000

Puisi-Internet

HUBUNGAN KELOMPOK MELAYU DIPERKUAT MELALUI INTERNET

LANGKAWI, 6 Nov (Bernama) -- Kalangan sasterawan, penyair dan budayawan dalam dan luar negara telah bersetuju menjalin kerjasama untuk memperkuatkan hubungan antara kelompok Melayu di seluruh dunia menerusi internet.

Malaysia dipilih menjadi penggerak program pertukaran maklumat menerusi internet itu dengan diterajui oleh Gabungan Persatuan Penulis Nasional Malaysia (GAPENA).

Persetujuan itu dicapai pada satu pertemuan mereka di Restoran Serambi Kampung Tok Senik Resort di sini yang dihadiri wakil-wakil dari Eropah, Sri Lanka, Filipina dan Singapura malam tadi.

Ketua Satu Gapena Tan Sri Prof Emeritus Dr Ismail Hussein berkata Gapena akan memainkan peranan itu secepat mungkin dalam memberi keterangan dan maklumat kegiatan kesasteraan di nusantara menerusi lawan web.

"Kami berazam memperkuatkan hubungan dengan menggunakan kesempatan seperti perhimpunan Hari Puisi Nasional untuk menjalin hubungan itu selaras dengan temanya Penyair dan Era Siber," katanya selepas pertemuan itu.

Hubungan menerusi internet amat berkesan dan kesempatan menerusi kemudahan itu perlu dimanfaatkan oleh karyawan, budayawan dan penyair kelompok Melayu seluruh dunia, katanya.

Ismail juga berkata wakil-wakil luar negara kagum dengan kemudahan dan perkhidmatan yang disediakan oleh kerajaan negeri bagi menjayakan Hari Puisi itu dan berjanji untuk terus menjayakan perhimpunan seumpama itu pada masa depan.

Wakil Mindanao, Filipina, Prof Putra Nasroden C.Lomodag Alhaj yang turut menyokong usaha itu berkata sudah sampai masanya umat Melayu dan Islam meningkatkan hubungan berterusan untuk kepentingan bersama.

Beliau turut menyokong saranan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya penyair menggunakan pengaruh mereka dalam era siber untuk mengubah pandangan masyarakat demi kemajuan negara.

Sementara itu, ketika menutup Hari Puisi malam tadi, Pengerusi Jawatankuasa Kebudayaan dan Pelancongan Kedah Osman Md Aji berkata penyair harus sentiasa menguasai maklumat terkini untuk menentukan karya mereka sesuai sepanjang zaman.

Mereka tidak perlu menunggu karya mereka tersiar di media cetak untuk dibaca oleh orang ramai tetapi melalui internet, karya itu dapat disebarkan dengan lebih luas, katanya.

Acara yang diadakan sejak Jumaat lepas itu dihadiri kira-kira 300 penyair dari dalam dan luar negara.

Ia dianjurkan oleh Kerajaan Negeri dan dikelolakan oleh Majlis Kebudayaan Negeri, Gapena, Angkatan Sasterawan Nasional Kedah (ASASI), Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dewan Bahasa dan Pustaka, Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA) dan Perbadanan Perpustakaan Awam Kedah.

-- BERNAMA

ZI NH NMO